Pada 2023, guna tanah pertanian di Negeri Sembilan merangkumi 62.4 peratus daripada keseluruhan kawasan (415,502.32 hektar) menunjukkan penyusutan sebanyak 165.93 hektar akibat pembangunan. Manakala, kawasan hutan di Negeri Sembilan merangkumi 23.3 peratus daripada keseluruhan kawasan, bersamaan 155,086.50 hektar dan menunjukkan tiada perubahan dari tahun sebelum. Sementara itu, guna tanah tepu bina mencatatkan 12.2 peratus atau 81,515.23 hektar, dengan peningkatan 166.92 hektar kawasan yang telah siap dibangunkan. Selebihnya, terdapat 2.1 peratus daripada keseluruhan kawasan di Negeri Sembilan yang diliputi oleh kawasan badan air iaitu bersamaan 13,726.48 hektar.

Carta 1: Pembangunan Guna Tanah Negeri Sembilan, 2023



Guna tanah pertanian di Negeri Sembilan mengalami penyusutan sebanyak 165.93 hektar, daripada 415,668.25 hektar (2022) kepada 415,502.32 hektar (2023). Daerah yang mencatatkan penyusutan terbesar ialah Seremban (79.53 hektar) dan Rembau (74.75 hektar). Selain itu, Port Dickson, Jelebu, Tampin dan Kuala Pilah turut mengalami sedikit penyusutan, masing-masing antara 0.02 hektar hingga 9.28 hektar. Jempol merupakan satu-satunya daerah yang mencatatkan peningkatan dalam guna tanah pertanian dengan pertambahan sebanyak 1.24 hektar.

Jadual 1: Guna Tanah Pertanian Negeri Sembilan, 2022-2023

NEGERI / DAERAH	PERTANIAN		
	KELUASAN (HEKTAR)		
	2022	2023	PERUBAHAN
NEGERI SEMBILAN	415,668.25	415,502.32	-165.93
Jelebu	57,429.20	57,428.01	-1.19
Kuala Pilah	57,040.48	57,040.46	-0.02
Port Dickson	43,815.52	43,806.24	-9.28
Rembau	27,680.90	27,606.15	-74.75
Seremban	43,383.78	43,304.25	-79.53
Tampin	61,043.11	61,040.71	-2.4
Jempol	125,275.26	125,276.50	1.24


Sumber: Laporan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

4.0 SUMBANGAN SEKTOR PERTANIAN KEPADA EKONOMI NEGERI SEMBILAN


Sektor pertanian di Negeri Sembilan memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negeri, dengan pelbagai subsektor menyumbang kepada nilai output kasar serta penyediaan peluang pekerjaan. Prestasi sektor ini berbeza mengikut daerah dan subsektor, menunjukkan kepelbagaian dalam aktiviti pertanian yang dijalankan di seluruh negeri.

Berdasarkan Laporan KDNK Daerah yang diterbitkan pada 2024, sektor pertanian di Negeri Sembilan pada 2020 mencatatkan nilai ditambah sebanyak RM3,319 juta. Jempol menjadi penyumbang utama dengan nilai ditambah tertinggi sebanyak RM879 juta, diikuti oleh Port Dickson sebanyak RM505 juta, Tampin sebanyak RM465 juta dan Seremban RM442 juta.

Carta 2: Nilai Ditambah Sektor Pertanian Mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2020



Pada 2023, sektor pertanian di Negeri Sembilan menunjukkan trend yang kurang memberangsangkan dalam sumbangan terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Negeri Sembilan. Sektor tersebut merekodkan nilai KDNK sebanyak RM3,304 juta pada 2021, dengan sedikit peningkatan sebanyak 0.5 peratus (RM3,321 juta) pada 2022. Namun, pada 2023, sektor ini mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 4.9 peratus (RM3,157 juta), yang menggambarkan kemerosotan dalam output pertanian dan salah satu sektor dengan prestasi paling rendah pada tahun tersebut. Penurunan ini mencerminkan kesan berpanjangan berikutan gangguan yang berlaku semasa pandemik, yang mana pemulihan sektor pertanian masih menghadapi pelbagai cabaran.

Carta 3: Kadar Pertumbuhan mengikut Sektor, Negeri Sembilan, 2023

Secara keseluruhannya, sektor pertanian di Negeri Sembilan menghadapi pelbagai cabaran dalam tiga tahun terakhir. Kejatuhan output serta penyusutan sumbangan kepada KDNK, yang banyak dipengaruhi oleh kesan pandemik, menunjukkan keperluan untuk strategi pemulihan dan pertumbuhan yang lebih berkesan bagi meningkatkan daya saing sektor ini dalam jangka masa panjang. Tindakan proaktif diperlukan untuk memastikan sektor pertanian dapat bangkit semula dan beradaptasi dengan perubahan yang berlaku dalam persekitaran ekonomi dan sosial.

5.0 EKSPORT DAN IMPORT PRODUK PERTANIAN

5.1 Eksport Produk Pertanian


Eksport Negeri Sembilan berdasarkan Statistik Perdagangan Malaysia Mengikut Negeri menurun 8.0 peratus pada tahun 2023, mencecah RM23,930 juta, berbanding angka tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, eksport produk pertanian menyumbang sebanyak RM1,049 juta, iaitu 4.0 peratus daripada keseluruhan eksport barangan. Walaupun peratusan ini agak kecil, ia tetap memainkan peranan penting dalam ekosistem eksport negeri kerana melibatkan komoditi utama negara seperti getah, kayu dan kelapa sawit.

Antara semua jenis barangan eksport pertanian, subsektor tanaman terus mendominasi sebagai penyumbang tertinggi dengan produk sarung tangan getah mencatat nilai RM506 juta, mewakili hampir separuh daripada jumlah eksport pertanian tahun tersebut. Ini menunjukkan permintaan berterusan terhadap produk berasaskan getah, walaupun pasaran dunia telah melepasi fasa kritikal pandemik. Seterusnya, perabot kayu dan rotan (RM147 juta) serta chipboard dan particleboard

(RM98 juta) turut menjadi antara penyumbang utama, menonjolkan kekuatan subsektor perhutanan & pembalakan di negeri ini.

Sepanjang tempoh 2019 hingga 2023, Kadar Pertumbuhan Tahunan Kompaun (CAGR) bagi nilai eksport sektor pertanian Negeri Sembilan menurun sebanyak 11.1 peratus setiap tahun. Ini menunjukkan bahawa aktiviti eksport pertanian di Negeri Sembilan semakin perlahan, berkemungkinan disebabkan oleh ketidaktentuan pasaran global serta persaingan dari negara pengeksport lain. Namun begitu, eksport pertanian mencapai kemuncaknya pada tahun 2021 dengan jumlah sebanyak RM2,805 juta, dipercayai hasil lonjakan permintaan terhadap barangan kesihatan seperti sarung tangan getah ketika pandemik. Selepas itu, nilai eksport merosot pada tahun 2022 dan 2023.

Carta 4: Prestasi eksport, Negeri Sembilan, 2019-2023



5.1.1 Prestasi Eksport Mengikut Subsektor

Eksport pertanian di Negeri Sembilan pada 2023 didominasi oleh subsektor tanaman, khususnya getah dan kelapa sawit. Produk sarung tangan getah merupakan penyumbang tertinggi dengan nilai sebanyak RM506 juta, mewakili hampir separuh daripada jumlah eksport pertanian tahun tersebut. Selain itu, getah asli turut menyumbang sebanyak RM126 juta, menjadikan jumlah sumbangan berkaitan getah mencecah RM632 juta. Oleokimia berasaskan kelapa sawit pula menyumbang sebanyak RM57 juta, menunjukkan bahawa produk hiliran sawit kekal sebagai antara komoditi eksport yang masih relevan.


Subsektor perhutanan dan pembalakan turut memainkan peranan penting dalam eksport pertanian Negeri Sembilan. Produk perabot kayu dan rotan mencatatkan nilai eksport sebanyak RM147 juta, menjadikannya antara penyumbang utama selepas sarung tangan getah dan getah asli. Selain itu, barangan lain berasaskan kayu seperti Lain-lain kayu - chipboard/ particleboard (RM98 juta), Lain-lain kayu – lain-lain (RM44 juta), Kayu gergaji (RM36 juta), Venir keping (RM16 juta) dan Kayu tanggam (RM6 juta) menjadikan jumlah keseluruhan eksport produk dari subsektor ini melebihi RM347 juta. Ini membuktikan bahawa industri berasaskan kayu di Negeri Sembilan kekal kukuh dan berdaya saing, terutama dalam memenuhi permintaan pasaran luar negara bagi bahan binaan dan perabot.

5.1.2 Rakan Dagangan Utama bagi Eksport Negeri Sembilan

Prestasi eksport Negeri Sembilan pada 2024 terus menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan, disokong oleh hubungan dagangan yang kukuh dengan beberapa negara utama. Lima negara yang dikenal pasti sebagai rakan dagangan utama bagi eksport barangan Negeri Sembilan ialah Singapura, China, United States, Negara-negara lain dan Japan.

Singapura muncul sebagai destinasi eksport terbesar, dengan nilai eksport mencecah RM5,418 juta (22.4%). Angka ini mencerminkan permintaan yang tinggi terhadap produk eksport di Negeri Sembilan termasuk produk pertanian seperti sarung tangan getah serta perabot kayu dan rotan. China pula merupakan rakan dagangan kedua terbesar dengan jumlah eksport sebanyak RM3,580 juta (14.8%). United States, Negara-negara lain dan Japan turut mencatatkan prestasi eksport yang kukuh, masing-masing merekodkan nilai sebanyak RM2,736 juta (11.3%), RM2,491 juta (10.3%) dan RM1,202 juta (5.0%). Kejayaan mengekalkan hubungan dagangan yang strategik dan berterusan dengan negara-negara ini membuktikan daya saing Negeri Sembilan dalam industri pertanian global. Keupayaan untuk memenuhi permintaan pasaran antarabangsa bukan sahaja memperkukuh kedudukan negeri sebagai salah satu pengeksport utama, malah turut membuka peluang untuk pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya tahan dalam sektor pertanian negara.

Paparan 1: Rakan Dagangan Utama bagi Eksport Pertanian 2023



5.2 Import Produk Pertanian


Sektor pertanian memainkan peranan penting dalam memastikan keselamatan makanan dan kestabilan ekonomi Malaysia. Walaupun aktiviti pertanian di negara ini berkembang, permintaan yang semakin meningkat menyebabkan kebergantungan terhadap import produk pertanian dari pelbagai negara turut meningkat. Pada tahun 2023, jumlah barangan import Negeri Sembilan direkodkan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM41,860 juta. Daripada jumlah tersebut, import produk pertanian menyumbang sebanyak RM196 juta (0.5%), yang merangkumi dua subsektor utama iaitu tanaman dan ternakan yang kesemuanya menyumbang secara signifikan kepada rantaian bekalan makanan negara.

Pada tahun 2023, jumlah keseluruhan import pertanian Negeri Sembilan dianggarkan sebanyak RM196 juta, merangkumi dua subsektor utama iaitu tanaman dan ternakan. Daripada jumlah ini, subsektor tanaman mencatat nilai import tertinggi sebanyak RM158 juta iaitu kira-kira 81.0 peratus daripada jumlah keseluruhan import pertanian. Subsektor ternakan pula menyumbang sebanyak RM38 juta atau 19.0 peratus daripada jumlah import pertanian.

Sepanjang tempoh 2019 hingga 2023, jumlah import pertanian Negeri Sembilan menunjukkan pola turun naik yang ketara dengan mencatatkan nilai CAGR sebanyak 3.4 peratus setiap tahun dalam tempoh lima tahun. Secara keseluruhannya, terdapat pertumbuhan yang sederhana. Import menurun sedikit pada 2020 susulan pandemik,

sebelum meningkat pada 2021 dan melonjak drastik pada 2022 kepada RM989 juta didorong oleh import susu dan krim tepung. Nilai import merosot semula pada 2023 kepada RM196 juta, mencerminkan penyesuaian semula keperluan import selepas lonjakan luar biasa pada tahun sebelumnya.

Carta 5: Prestasi import, Negeri Sembilan, 2019-2023



5.2.1 Prestasi Import mengikut Subsektor

Pada tahun 2023, barangan import pertanian Negeri Sembilan didominasi oleh produk daripada subsektor tanaman, dengan sumbangan ketara daripada beberapa komoditi utama. Sayur-sayuran menjadi penyumbang tertinggi dalam kategori ini dengan nilai import sebanyak RM155 juta, menunjukkan kebergantungan tinggi terhadap bekalan sayur dari luar negara, sama ada untuk kegunaan pengguna akhir mahupun industri pemprosesan makanan. Selain itu, jagung (termasuk jagung manis) mencatat nilai import sebanyak RM3 juta, menandakan keperluan yang masih wujud terhadap bahan ini. Gula daripada bit atau tebu, tidak direkodkan dalam tahun ini, menunjukkan sama ada permintaan rendah atau kebergantungan kepada sumber lain bagi keperluan gula mentah bagi industri makanan dan minuman tempatan.

Dari sudut subsektor ternakan, susu dan krim dalam bentuk tepung mencatat nilai import sebanyak RM9 juta pada tahun 2023. Walaupun jumlah ini jauh lebih rendah berbanding lonjakan luar biasa RM608 juta pada 2022, nilai import masih menunjukkan permintaan terhadap produk tenusu dalam bentuk import, terutamanya bagi keperluan industri pemprosesan. Bahan makanan untuk binatang pula diimport

sebanyak RM29 juta, menandakan kepentingannya dalam menyokong sektor penternakan tempatan terutamanya sebagai makanan ternakan yang tidak dapat dihasilkan sepenuhnya di dalam negeri.


5.2.2 Rakan Dagangan Utama bagi Import Negeri Sembilan

Seiring dengan Malaysia, Negeri Sembilan juga terus bergantung kepada rangkaian bekalan global bagi memenuhi keperluan sektor pertaniannya pada tahun 2024. Lima negara yang dikenal pasti sebagai rakan dagangan utama bagi import barangan Negeri Sembilan ialah Singapura, China, Indonesia, United Arab Emirates dan Negara-negara lain.

Singapura mencatatkan kedudukan tertinggi sebagai pembekal utama, dengan jumlah import ke Negeri Sembilan mencecah RM 7,745 juta (17.2%). Angka ini mencerminkan permintaan yang tinggi terhadap produk import di Singapura termasuk produk pertanian dalam subsektor tanaman dan ternakan. China pula merupakan rakan dagangan kedua terbesar dengan jumlah import sebanyak RM6,780 juta (15.1%). Indonesia, United Arab Emirates (UAE) dan Negara-negara lain turut menjadi antara pembekal utama produk import, masing-masing merekodkan sebanyak RM5,812 juta (12.9%), RM 3,933 juta (8.8%) dan RM3,620 juta (8.1%).

Hubungan dagangan yang kukuh dengan negara-negara ini membuktikan kepentingan kerjasama antarabangsa dalam memastikan kelestarian dan keselamatan makanan negeri. Seiring dengan Malaysia, Negeri Sembilan juga terus memperkukuh jaringan import ini bagi memastikan keperluan pertanian dan makanan rakyat sentiasa terjamin.

Paparan 2: Rakan Dagangan Utama bagi Import Pertanian 2023




6.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, NEGERI SEMBILAN

6.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Sektor pertanian di Negeri Sembilan pada 2023 merekodkan 45,429 pegangan pertanian. Pegangan pertanian individu menjadi pegangan pertanian terbesar iaitu 44,082 orang dengan sumbangan 97.0 peratus manakala pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan sebanyak 1,347 atau 3.0 peratus.

Paparan 3: Bilangan Pegangan Pertanian Negeri Sembilan, 2023



Jempol mencatatkan bilangan pegangan pertanian individu tertinggi iaitu seramai 11,652 orang dengan sumbangan sebanyak 26.4 peratus. Ini diikuti oleh Jelevu dengan 7,734 orang (17.5%) dan Tampin dengan 7,105 orang (16.1%). Ketiga-tiga daerah ini memberikan sumbangan 60.1 peratus kepada keseluruhan Negeri Sembilan, menjadikan daerah yang dominan dalam sektor pertanian.

Sementara itu, Seremban mencatatkan bilangan pegangan pertanian pertubuhan tertinggi iaitu 378 pertubuhan dengan sumbangan 28.1 peratus. Ini diikuti Jempol 300 pertubuhan (22.3%) dan Tampin 168 pertubuhan (12.5%).

Paparan 4: Bilangan Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023

NEGERI SEMBILAN



Pegangan Pertanian: **45,429**

Individu: **44,082**

Pertubuhan: **1,347**

	Individu	Pertubuhan	Pegangan Pertanian
JELEBU	7,734 17.5	127 9.4	7,861 17.3
KUALA PILAH	5,647 12.8	96 7.1	5,743 12.6
PORT DICKSON	3,287 7.5	157 11.7	3,444 7.6
REMBAU	3,384 7.7	121 9.0	3,505 7.7
SEREMBAN	5,273 12.0	378 28.1	5,651 12.4
TAMPIN	7,105 16.1	168 12.5	7,273 16.0
JEMPOL	11,652 26.4	300 22.3	11,952 26.3

Bilangan | % Sumbangan

6.1.1 Jantina dan Umur

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian pada 2023 merekodkan 44,082 orang dipelopori lelaki seramai 29,973 orang (68.0%) berbanding perempuan seramai 14,109 orang (32.0%). Kumpulan umur 60 tahun dan ke atas adalah penyumbang terbesar dengan 59.6 peratus (26,265 orang), yang mana penglibatan lelaki adalah seramai 17,435 orang dan perempuan adalah 8,830 orang.


Jadual 2: Bilangan Pegangan Pertanian Individu mengikut Jantina dan Umur, Negeri Sembilan, 2023

Jantina/ Umur	Lelaki	Perempuan	Jumlah
15 - 30 tahun	752	372	1,124
31 - 45 tahun	4,308	1,628	5,936
46 - 59 tahun	7,478	3,279	10,757
60 tahun ke atas	17,435	8,830	26,265
Jumlah	29,973	14,109	44,082

6.1.2 Kewarganegaraan dan Kumpulan Etnik

Majoriti pegangan pertanian individu di Negeri Sembilan dipelopori oleh warganegara seramai 44,062 orang dengan sumbangan 99.9 peratus dan penglibatan etnik bumiputera adalah yang tertinggi iaitu 80.5 peratus (35,486 orang). Ini diikuti etnik cina 16.1 peratus (7,106 orang) serta etnik india dan lain-lain, masing-masing sebanyak 3.2 peratus (1,419 orang) dan 0.1 peratus (51 orang). Bukan warganegara pula mencatatkan seramai 20 orang dengan sumbangan sebanyak 0.1 peratus.


Paparan 5: Bilangan Pegangan Pertanian Individu mengikut Kewarganegaraan dan Etnik, Negeri Sembilan, 2023



6.1.3 Status Perkahwinan

Pegangan pertanian individu yang terlibat dalam sektor pertanian didominasi oleh individu berstatus berkahwin iaitu seramai 32,296 orang atau 73.3 peratus. Balu / duda merekodkan seramai 7,831 orang (17.8%), diikuti oleh tidak pernah berkahwin, bercerai dan berpisah, masing-masing seramai 3,532 orang (8.0%) dan 423 orang (1.0%).


Paparan 6: Bilangan Pegangan Pertanian Individu mengikut Taraf Perkahwinan, Negeri Sembilan, 2023



6.1.4 Sijil Tertinggi Diperoleh

Pegangan pertanian individu yang mempunyai sijil tertinggi di peringkat menengah merupakan yang tertinggi dengan 17,252 orang atau 39.1 peratus. Ini diikuti tiada sijil 12,740 orang (28.9%) dan taraf pendidikan rendah iaitu 11,820 orang (26.8%). Seramai 2,270 orang atau 5.1 peratus turut direkodkan bagi individu yang mempunyai sijil tertinggi di peringkat tertiar.

Paparan 7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Sijil Tertinggi Diperoleh, Negeri Sembilan, 2023



6.2 KELUASAN BERTANAM

Keluasan bertanam pada 2023 di Negeri Sembilan merekodkan sebanyak 266,174 hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertanam 172,326 hektar dengan sumbangan 64.7 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 93,848 hektar (35.3%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertanam ini adalah kelapa sawit 194,669 hektar, getah 58,380 hektar dan buah-buahan 7,029 hektar.

Jempol merekodkan keluasan bertanam terbesar iaitu 107,423 hektar (40.4%). Ini diikuti Tampin 47,114 hektar (17.7%), Jelevu 31,027 hektar (11.7%) dan Port Dickson 27,192 hektar (10.2%). Keluasan bertanam bagi empat daerah ini didominasi oleh aktiviti kelapa sawit, iaitu Jempol (83,163 hektar), Tampin (33,535 hektar), Port Dickson (24,759 hektar) dan Jelevu (19,998 hektar).

Paparan 8: Keluasan Bertanam mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



Keluasan Bertanam (Ha)

266,174


Individu	Pertubuhan
93,848	172,326

6.3 KELUASAN BERTUAI

Keluasan bertuai di Negeri Sembilan merekodkan sebanyak 241,788 hektar. Daripada jumlah keluasan ini, pegangan pertanian pertubuhan mencatatkan keluasan bertuai 153,496 hektar dengan sumbangan 63.5 peratus, manakala pegangan pertanian individu meliputi 88,292 hektar (36.5%). Aktiviti utama yang menyumbang kepada keluasan bertuai ini adalah kelapa sawit dengan 175,511 hektar, getah 53,667 hektar dan buah-buahan 6,790 hektar.

Jempol merekodkan keluasan bertuai terbesar iaitu 98,883 hektar (40.9%). Ini diikuti Tampin 43,041 hektar (17.8%), Jelebu 27,805 hektar (11.5%) dan Port Dickson 23,863 hektar (9.9%). Keluasan bertuai bagi empat daerah ini didominasi oleh aktiviti kelapa sawit, iaitu Jempol (75,816 hektar), Tampin (30,293 hektar), Port Dickson (21,783 hektar) dan Jelebu (18,069 hektar).

Paparan 9: Keluasan Bertuai mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



Keluasan Bertuai (Ha)

241,788


Individu	Pertubuhan
88,292	153,496

6.4 KUANTITI PENGELUARAN

Subsektor tanaman merekodkan kuantiti pengeluaran 4.0 juta tan metrik yang meliputi pegangan pertanian pertubuhan dengan sumbangan 82.3 peratus atau 3.3 juta tan metrik dan pegangan pertanian individu 17.7 peratus (713.1 ribu tan metrik). Aktiviti utama yang menyumbang kepada kuantiti pengeluaran ini adalah kelapa sawit dengan 3.8 juta tan metrik, buah-buahan 82.1 ribu tan metrik dan getah 41.4 ribu tan metrik.

Jempol merekodkan kuantiti pengeluaran terbesar iaitu 1.7 juta (41.8%). Ini diikuti Tampin 677.5 ribu tan metrik (16.8%), Port Dickson 498.6 ribu tan metrik (12.4%) dan Jelebu 437.5 ribu tan metrik (10.9%). Kuantiti Pengeluaran bagi empat daerah ini didominasi oleh aktiviti kelapa sawit, iaitu Jempol (1.6 juta tan metrik), Tampin (651.0 ribu tan metrik), Port Dickson (478.3 ribu tan metrik) dan Jelebu (400.5 ribu tan metrik).


Paparan 10: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Tanaman mengikut Pegangan Pertanian, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi aktiviti ternakan hidup adalah sebanyak 332.3 juta ekor, dengan aktiviti penternakan ayam (119.8 juta ekor) dan itik (129.3 ribu ekor). Aktiviti lain-lain ternakan mencatatkan sebanyak 212.3 juta ekor atau 63.9 peratus. Tampin mencatatkan kuantiti pengeluaran ternakan hidup tertinggi pada 2023, dengan 157.0 juta ekor atau 49.3 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Negeri Sembilan, diikuti oleh Kuala Pilah (109.1 juta ekor) dan Seremban (20.5 juta ekor). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 86.2 peratus kepada pengeluaran ternakan hidup Negeri Sembilan.


Bagi hasil ternakan pula, kuantiti pengeluaran telur mencatatkan 1,382.1 juta biji, dengan Kuala Pilah sebagai daerah pengeluar tertinggi (103.7 juta biji). Selain itu, kuantiti pengeluaran bagi susu segar adalah 3.1 juta liter, dengan Seremban sebagai daerah pengeluar tertinggi (1.2 juta liter). Sementara itu, kuantiti pengeluaran bagi hasil ternakan lain merekodkan sebanyak 11.7 ribu tan metrik yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasil lain.

Paparan 11: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Ternakan, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran di **subsektor perikanan tangkapan** merekodkan 0.6 ribu tan metrik, terutamanya Port Dickson dengan sumbangan 91.4 peratus. Ini diikuti Rembau (3.5%), Seremban (2.6%), Tampin (1.3%) dan Jelebu (1.2%).


Paparan 12: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perikanan Tangkapan, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor akuakultur merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 9.2 ribu tan metrik, yang meliputi aktiviti air tawar dan air payau. Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sumbangan 75.1 peratus atau 6.9 ribu tan metrik dan pegangan pertanian individu 24.9 peratus (2.3 ribu tan metrik). Kuantiti pengeluaran akuakultur tertinggi dicatatkan oleh Seremban, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 4.0 ribu tan metrik, diikuti oleh Jelebu dan Port Dickson merekodkan kuantiti pengeluaran yang sama (1.6 ribu tan metrik).

Manakala bagi baka & benih dan ikan hiasan pula, kuantiti pengeluaran adalah sebanyak 30,842.3 ribu ekor. Pegangan pertanian pertubuhan merekodkan sumbangan 72.9 peratus atau 22,498.0 ribu ekor dan pegangan pertanian individu 27.1 peratus (8,344.3 ribu ekor). Port Dickson merekodkan pengeluaran tertinggi sebanyak 20,648.4 ribu ekor, diikuti oleh Kuala Pilah (5,133.3 ribu ekor) dan Jelebu (3,466.7 ribu ekor).

Paparan 13: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Akuakultur, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti pembalakan** adalah 57.6 ribu meter padu. Daripada jumlah tersebut, pegangan pertanian individu menghasilkan 0.2 ribu meter padu (0.3%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 57.4 ribu meter padu (99.7%).

Kuantiti pengeluaran bagi **hasil hutan bukan kayu** pula direkodkan sebanyak 109.9 tan metrik. Pegangan pertanian individu menyumbang 105.3 tan metrik (95.8%), manakala pegangan pertanian pertubuhan 4.6 tan metrik (4.2%).

Paparan 14: Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti Pengeluaran Subsektor Perhutanan & Pembalakan



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan



Kuantiti Pengeluaran

i. Tan Metrik

109.9

105.3

4.6

ii. Meter Padu

57,587

150

57,437


Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau / jaras / arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambilkira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan / atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.

6.5 KUANTITI DAN NILAI JUALAN


Secara keseluruhannya, kuantiti jualan bagi subsektor tanaman pada 2023 mencatatkan 4.0 juta tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi direkodkan oleh kelapa sawit iaitu sebanyak 3.8 juta tan metrik. Ini diikuti oleh buah-buahan dan getah dengan masing-masing mengeluarkan 61.7 ribu dan 41.4 ribu tan metrik. Jempol mencatatkan kuantiti jualan keseluruhan tanaman tertinggi pada 2023 iaitu sebanyak 1.7 juta tan metrik atau menyumbang 42.0 peratus kepada kuantiti jualan tanaman Negeri Sembilan. Sementara itu, nilai jualan bagi subsektor tanaman direkodkan sebanyak RM4,879.70 juta.

Paparan 15: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Tanaman, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan ternakan hidup merekodkan 318.8 juta ekor atau 95.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kuantiti pengeluaran ternakan hidup pada 2023. Ini disumbangkan oleh ternakan ayam dengan kuantiti jualan sebanyak 106.8 juta ekor diikuti oleh ternakan itik (126.4 ribu ekor) dan lain-lain ternakan hidup (211.8 juta ekor). Manakala, kuantiti jualan dari hasil ternakan adalah sebanyak 1,174.2 juta biji telur dan 3.1 juta liter susu segar. Nilai jualan bagi aktiviti ternakan adalah sebanyak RM2,824.08 juta.

Paparan 16: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Ternakan, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti dan nilai jualan di **subsektor perikanan tangkapan** merekodkan sebanyak 553.8 tan metrik dan RM9.19 juta, yang disumbangkan terutamanya daerah Port Dickson iaitu dengan kuantiti dan nilai jualan masing-masing 506.1 tan metrik dan RM8.3 juta. Ini diikuti Rembau dengan 19.3 tan metrik (RM475.11 ribu), Seremban 14.5 tan metrik (RM238.89 ribu), Tampin 7.0 tan metrik (RM93.42 ribu) dan Jelevu 6.8 tan metrik (RM105.56 ribu).

Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perikanan Tangkapan, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti jualan bagi **subsektor akuakultur** merekodkan 8,708.9 tan metrik dan 30.5 juta ekor, dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM120.87 juta. Sumbangan jumlah nilai jualan pegangan pertanian pertubuhan adalah lebih besar berbanding pegangan pertanian individu dengan merekodkan sebanyak 77.0 peratus (RM93.13 juta), manakala pegangan pertanian individu mencatatkan 23.0 peratus (RM27.75 juta). Seremban menjadi penyumbang utama bagi nilai jualan iaitu RM43.79 juta (36.2%). Ini diikuti Port Dickson, RM42.65 juta (35.3%) dan Jelevu RM13.23 juta (10.9%).

Paparan 18: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Akuakultur, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti jualan bagi **subsektor perhutanan dan pembalakan** secara keseluruhan merekodkan 108.9 ribu kilogram dan 57.4 ribu meter padu, dengan nilai jualan keseluruhan sebanyak RM24.84 juta. Sumbangan jumlah nilai jualan pertubuhan adalah lebih besar berbanding individu dengan merekodkan sebanyak 96.9 peratus (RM24.08 juta), manakala individu mencatatkan 3.1 peratus (RM0.77 juta).

Paparan 19: Kuantiti dan Nilai Jualan Subsektor Perhutanan & Pembalakan, Negeri Sembilan, 2023



Nota:

1. Aktiviti perhutanan merujuk kepada lokasi tempat kediaman dan pertubuhan. Aktiviti pembalakan merujuk kepada lokasi pembalakan.
2. Aktiviti pembalakan adalah termasuk pengeluaran kayu getah, kayu bakau / jaras / arang-arang dan kayu balak yang mana berbeza dengan laporan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak yang hanya mengambil kira pengeluaran kayu balak sahaja.
3. Aktiviti perhutanan dan pembalakan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) dan / atau luar kawasan HSK tidak tertakluk kepada definisi yang digunakan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak.


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian di Negeri Sembilan merekodkan RM7,858.67 juta, di mana 81.5 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM6,402.99 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 18.5 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Negeri Sembilan iaitu RM1,455.68 juta.

7.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, JELEBU

7.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 7,861 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Jelebu. Daripada jumlah ini, 7,734 (98.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 127 (1.6%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 20: Pegangan Pertanian, Jelebu, Negeri Sembilan, 2023



7.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 7,734 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Jelebu, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 73.2 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 53.7 peratus dan 28.1 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 69.3 peratus. Manakala 40.9 peratus pegangan pertanian individu di Jelebu mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 21: Profil Pegangan Pertanian Individu, Jelebu, Negeri Sembilan, 2023




7.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Jelebu pada 2023 adalah 31.0 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 13.1 ribu hektar diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 18.0 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 27.8 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan 16.1 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Jelevu mencatatkan 437.5 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 400.5 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan getah, masing-masing menghasilkan 22.0 ribu dan 5.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 429.8 ribu tan metrik yang mana kelapa sawit mencatatkan kuantiti jualan tertinggi iaitu 400.5 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan getah, masing-masing 14.8 ribu dan 5.8 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM625.89 juta.

Paparan 22: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Jelevu, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **aktiviti ternakan hidup** di Jelevu adalah sebanyak 17,564.7 ribu ekor. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 17,323.4 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 73.4 ribu biji telur, 185.4 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 70.9 ribu biji telur, 184.4 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM249.82 juta.

Paparan 23: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Jelevu, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Ternakan				
				
  				
Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan				
	Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	0.5	0.4	0.1	
ii. Biji	73.4	73.4	-	
iii. Ekor	17,564.7	26.7	17,538.1	
iv. Liter	185.4	164.8	20.6	
	Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	0.5	0.4	0.1	
ii. Biji	70.9	70.9	-	
iii. Ekor	17,323.4	23.1	17,300.3	
iv. Liter	184.4	163.9	20.6	
	Nilai Jualan (RM juta)			
	249.82	6.92	242.91	

Aktiviti perikanan tangkapan di Jelevu didominasi sepenuhnya oleh aktiviti perikanan tangkapan darat dengan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 6.8 tan metrik dengan nilai jualan sebanyak RM0.11 juta.

Paparan 24: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Jelebu, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	6.8	6.8	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	6.8	6.8	-
 Nilai Jualan (RM juta)	0.11	0.11	-

Subsektor akuakultur di Jelebu merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan sebanyak yang sama sebanyak 1.6 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 3,466.7 ribu ekor dan 3,271.5 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.23 juta.

Paparan 25: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Jelebu, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Akuakultur

Pegangan Pertanian

Individu

Pertubuhan

Kuantiti Pengeluaran ('000)

i. Tan Metrik

1.6

0.1

1.5

ii. Ekor

3,466.7

2,205.6

1,261.1

Kuantiti Jualan ('000)

i. Tan Metrik

1.6

0.1

1.5

ii. Ekor

3,271.5

2,199.6

1,071.9

Nilai Jualan
(RM juta)

13.23

1.38

11.85


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Jelevu merekodkan RM889.05 juta, di mana 76.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM679.16 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 23.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Jelevu iaitu RM209.89 juta.

8.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, KUALA PILAH

8.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,743 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Kuala Pilah. Daripada jumlah ini, 5,647 (98.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 96 (1.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 26: Pegangan Pertanian, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023



8.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 5,647 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Kuala Pilah, 100.0 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 58.8 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 53.6 peratus dan 27.7 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 91.2 peratus. Manakala 45.2 peratus pegangan pertanian individu di Kuala Pilah mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 27: Profil Pegangan Pertanian Individu, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




8.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Kuala Pilah pada 2023 adalah 20.8 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 10.5 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 10.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 18.8 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan 9.7 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Kuala Pilah mencatatkan 246.2 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 221.0 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 7.1 ribu dan 6.6 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 243.3 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 221.0 ribu tan metrik. Ini diikuti sayur-sayuran dan buah-buahan, masing-masing 6.3 ribu dan 4.5 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM373.76 juta.

Paparan 28: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Kuala Pilah adalah sebanyak 109,112.0 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 107,986.4 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 103,726.6 ribu biji telur, 1,022.9 ribu liter susu segar dan 1.6 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 103,200.6 ribu biji telur, 982.5 ribu liter susu segar dan 1.6 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM510.62 juta.

Paparan 29: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Ternakan				
				
				
Pegangan Pertanian		Individu	Pertubuhan	
	Kuantiti Pengeluaran ('000)			
	i. Kilogram	1.6	1.6	0.0
	ii. Biji	103,726.6	103,712.0	14.6
	iii. Ekor	109,112.0	196.3	108,915.6
	iv. Liter	1,022.9	-	1,022.9
	Kuantiti Jualan ('000)			
	i. Kilogram	1.6	1.5	0.0
	ii. Biji	103,200.6	103,186.0	14.6
	iii. Ekor	107,986.4	140.7	107,845.6
	iv. Liter	982.5	-	982.5
	Nilai Jualan (RM juta)	510.62	49.57	461.06

Subsektor akuakultur di Kuala Pilah merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran dan jualan juga mencatatkan hasil yang sama sebanyak 5,133.3 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.32 juta.

Paparan 30: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, 2023




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor perhutanan & Pembalakan) di Kuala Pilah merekodkan RM890.70 juta, di mana 80.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM716.42 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 19.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Kuala Pilah iaitu RM174.28 juta.

9.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, PORT DICKSON

9.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 3,444 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Port Dickson. Daripada jumlah ini, 3,287 (95.4%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 157 (4.6%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 31: Pegangan Pertanian, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



9.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 3,287 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Port Dickson, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 79.3 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 52.7 peratus dan 29.9 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 53.0 peratus. Manakala 38.5 peratus pegangan pertanian individu di Port Dickson mempunyai sijil peringkat menengah.

Paparan 32: Profil Pegangan Pertanian Individu, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023




9.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Port Dickson pada 2023 adalah 27.2 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 5.5 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 21.7 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 23.9 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan 18.6 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Port Dickson mencatatkan 498.6 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 478.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing menghasilkan 14.7 ribu dan 3.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 478.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 12.8 ribu dan 3.6 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM614.09 juta.

Paparan 33: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Port Dickson adalah sebanyak 3,751.4 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 2,115.1 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 77,938.1 ribu biji telur, 488.9 ribu liter susu segar dan 3.1 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 77,937.8 ribu biji telur, 450.8 ribu liter susu segar dan 3.0 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM80.16 juta.

**Paparan 34: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Port Dickson,
Negeri Sembilan, 2023**

Subsektor Ternakan				
				
  				
Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan				
	Kuantiti Pengeluaran ('000)			
	i. Kilogram	3.1	0.6	2.5
	ii. Biji	77,938.1	2.9	77,935.2
	iii. Ekor	3,751.4	5.5	3,745.9
	iv. Liter	488.9	191.5	297.4
	Kuantiti Jualan ('000)			
	i. Kilogram	3.0	0.4	2.5
	ii. Biji	77,937.8	2.6	77,935.2
	iii. Ekor	2,115.1	4.2	2,110.9
	iv. Liter	450.8	153.4	297.4
	Nilai Jualan (RM juta)			
		80.16	3.26	76.90

Aktiviti perikanan tangkapan di Port Dickson mencatatkan jumlah pengeluaran 506.1 tan metrik pada 2023. **Aktiviti perikanan tangkapan laut** mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama mencecah 495.5 tan metrik iaitu 97.9 peratus daripada keseluruhan pengeluaran dan jualan. Sebaliknya, **aktiviti perikanan darat** mencatatkan jumlah kuantiti pengeluaran dan jualan iaitu 10.6 tan metrik (2.1%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM8.27 juta.

Paparan 35: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Port Dickson, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor Perikanan Tangkapan



Pegangan Pertanian



Individu




Pertubuhan

	Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	506.1	506.1	-
	Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	506.1	506.1	-
	Nilai Jualan (RM juta)	8.27	8.27	-

Subsektor akuakultur di Port Dickson merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 1.6 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 1.5 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 20,648.4 ribu ekor dan 20,558.2 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM42.65 juta.

**Paparan 36: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Port Dickson,
Negeri Sembilan, 2023**




Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor perhutanan & Pembalakan) di Port Dickson merekodkan RM745.17 juta, di mana 76.9 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM572.86 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 23.1 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Port Dickson iaitu RM172.31 juta.

10.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, REMBAU

10.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 3,505 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Rembau. Daripada jumlah ini, 3,384 (96.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 121 (3.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 37: Pegangan Pertanian, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



10.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 3,384 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Rembau, 100.0 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 61.3 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 58.6 peratus dan 26.3 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 90.8 peratus. Manakala 56.3 peratus pegangan pertanian individu di Rembau mempunyai sijil peringkat menengah.

Paparan 38: Profil Pegangan Pertanian Individu, Rembau, 2023




10.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Rembau pada 2023 adalah 10.2 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 5.5 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 4.8 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 9.4 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian individu dengan 5.1 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Rembau mencatatkan 127.8 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 109.4 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 6.9 ribu dan 4.7 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 127.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 109.4 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 6.6 ribu dan 4.5 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM252.78 juta.

Paparan 39: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Rembau, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Rembau adalah sebanyak 8,568.0 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 7,622.1 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 189,059.4 ribu biji telur, 154.0 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 179,003.0 ribu biji telur, 152.4 ribu liter susu segar dan 0.5 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM151.76 juta.

**Paparan 40: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Rembau,
Negeri Sembilan, 2023**

Subsektor Ternakan			
   			
Pegangan Pertanian Individu Pertubuhan			
	Kuantiti Pengeluaran ('000)		
i. Kilogram	0.5	0.5	-
ii. Biji	189,059.4	4.5	189,054.9
iii. Ekor	8,568.0	404.0	8,164.0
iv. Liter	154.0	96.4	57.6
	Kuantiti Jualan ('000)		
i. Kilogram	0.5	0.5	-
ii. Biji	179,003.0	4.4	178,998.7
iii. Ekor	7,622.1	402.6	7,219.5
iv. Liter	152.4	94.8	57.6
	Nilai Jualan (RM juta)	151.76	14.87
			136.89

Aktiviti perikanan tangkapan di Rembau mencatatkan jumlah pengeluaran 19.3 tan metrik. **Aktiviti perikanan tangkapan darat** mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama mencecah 18.5 tan metrik iaitu 96.0 peratus daripada keseluruhan pengeluaran dan jualan. Sebaliknya, **aktiviti perikanan laut** mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan iaitu 0.8 tan metrik (4.0%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM0.48 juta.

Paparan 41: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Rembau, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	19.3	19.3	-
Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	19.3	19.3	-
Nilai Jualan (RM juta)	0.48	0.48	-

Subsektor akuakultur di Rembau merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 0.8 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran merekodkan sebanyak 25.2 ribu ekor dan 23.9 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan iaitu RM5.68 juta.

Paparan 42: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Rembau, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Akuakultur			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)	i. Tan Metrik	0.5	0.4
	ii. Ekor	-	25.2
Kuantiti Jualan ('000)	i. Tan Metrik	0.5	0.4
	ii. Ekor	-	23.9
Nilai Jualan (RM juta)	5.68	2.87	2.81


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Rembau merekodkan RM410.70 juta, di mana 59.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM243.78 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 40.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Rembau iaitu RM166.93 juta.

11.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, SEREMBAN

11.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 5,651 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Seremban. Daripada jumlah ini, 5,273 (93.3%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 378 (6.7%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 43: Pegangan Pertanian, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



11.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 5,273 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Seremban, 99.9 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 64.9 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 48.2 peratus dan 31.4 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 79.5 peratus. Manakala 49.1 peratus pegangan pertanian individu di Seremban mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 44: Profil Pegangan Pertanian Individu, Seremban, Negeri Sembilan, 2023




11.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Seremban pada 2023 adalah 22.4 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 5.4 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 17.0 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 20.0 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan 14.9 ribu hektar.


Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Seremban mencatatkan 354.7 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 321.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 16.0 ribu dan 9.1 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 348.8 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 321.3 ribu tan metrik. Ini diikuti buah-buahan dan sayur-sayuran, masing-masing 10.6 ribu dan 8.8 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM501.33 juta.

Paparan 45: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Seremban adalah sebanyak 20,471.8 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 20,315.8 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 712,413.1 ribu biji telur, 1,196.7 ribu liter susu segar dan 2.8 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 629,871.8 ribu biji telur, 1,195.1 ribu liter susu segar dan 2.7 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM449.26 juta.

Paparan 46: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Aktiviti perikanan tangkapan di Seremban mencatatkan jumlah pengeluaran 14.5 tan metrik. **Aktiviti perikanan tangkapan darat** mendominasi dengan jumlah kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama mencecah 13.2 tan metrik iaitu 91.1 peratus daripada keseluruhan pengeluaran dan jualan. Sebaliknya, **aktiviti perikanan laut** mencatatkan jumlah pengeluaran dan jualan yang sama iaitu 1.3 tan metrik (8.9%). Subsektor perikanan tangkapan merekodkan nilai jualan sebanyak RM0.24 juta.

Paparan 47: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Seremban, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	14.5	14.5	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	14.5	14.5	-
 Nilai Jualan (RM juta)	0.24	0.24	-

Subsektor akuakultur di Seremban merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 4.0 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 3.7 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 1,555.8 ribu ekor dan 1,509.0 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM43.79 juta.

Paparan 48: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Seremban, Negeri Sembilan, 2023



Subsektor Akuakultur



Pegangan Pertanian



Individu



Pertubuhan

 Kuantiti Pengeluaran ('000)	i. Tan Metrik	4.0	0.9	3.1
	ii. Ekor	1,555.8	709.9	845.9
 Kuantiti Jualan ('000)	i. Tan Metrik	3.7	0.9	2.8
	ii. Ekor	1,509.0	709.9	799.1
 Nilai Jualan (RM juta)	43.79	12.17	31.62	


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor perhutanan & Pembalakan) di Seremban merekodkan RM994.61 juta, di mana 84.6 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM841.44 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 15.4 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Seremban iaitu RM153.18 juta.

12.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, TAMPIN

12.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 7,273 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Tampin. Daripada jumlah ini, 7,105 (97.7%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 168 (2.3%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 49: Pegangan Pertanian, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



12.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 7,105 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di Tampin, 99.99 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 68.3 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 63.2 peratus dan 22.7 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 88.3 peratus. Manakala 37.1 peratus pegangan pertanian individu di Tampin mempunyai sijil tertinggi peringkat menengah.

Paparan 50: Profil Pegangan Pertanian Individu, Tampin, Negeri Sembilan, 2023




12.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Tampin pada 2023 adalah 47.1 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 18.8 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 28.4 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 43.0 ribu hektar, yang mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan 25.4 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Tampin mencatatkan 677.5 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 651.0 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan, masing-masing 8.7 ribu dan 8.3 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 674.4 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 651.0 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan, masing-masing 8.7 ribu dan 5.7 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM773.05 juta.

Paparan 51: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Tampin, Negeri Sembilan, 2023



Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Tampin adalah sebanyak 157,020.8 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 147,632.1 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 74,045.5 ribu biji telur, 91.9 ribu liter susu segar dan 2.2 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 73,864.1 ribu biji telur, 90.2 ribu liter susu segar dan 2.2 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,069.11 juta.

**Paparan 52: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Tampin,
Negeri Sembilan, 2023**

Subsektor Ternakan

Pegangan Pertanian

Individu

Pertubuhan

Kuantiti Pengeluaran ('000)

i. Kilogram

2.2

0.1

2.2

ii. Biji

74,045.5

30.1

74,015.4

iii. Ekor

157,020.8

201.7

156,819.1

iv. Liter

91.9

-

91.9

Kuantiti Jualan ('000)

i. Kilogram

2.2

0.1

2.2

ii. Biji

73,864.1

29.2

73,834.9

iii. Ekor

147,632.1

193.9

147,438.3

iv. Liter

90.2

-

90.2

Nilai Jualan
(RM juta)

1,069.11

5.31

1,063.81

Aktiviti **perikanan tangkapan** di Tampin mencatatkan jumlah pengeluaran dan kuantiti jualan yang sama iaitu 7.0 tan metrik yang didominasi sepenuhnya oleh aktiviti perikanan tangkapan darat. Nilai jualan pula direkodkan sebanyak RM0.09 juta.

Paparan 53: Parameter Utama Subsektor Perikanan Tangkapan, Tampin, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Perikanan Tangkapan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran (Tan Metrik)	7.0	7.0	-
 Kuantiti Jualan (Tan Metrik)	7.0	7.0	-
 Nilai Jualan (RM juta)	0.09	0.09	-

Subsektor akuakultur di Tampin merekodkan kuantiti pengeluaran sebanyak 0.7 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Kuantiti jualan pula merekodkan sebanyak 0.6 ribu tan metrik. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran dan jualan merekodkan jumlah yang sama iaitu 7.9 ribu ekor. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM5.87 juta.

Paparan 54: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Tampin, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Akuakultur			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
 Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Tan Metrik	0.7	0.4	0.3
ii. Ekor	7.9	7.9	-
 Kuantiti Jualan ('000)			
i. Tan Metrik	0.6	0.4	0.2
ii. Ekor	7.9	7.9	-
 Nilai Jualan (RM juta)	5.87	3.88	2.00


Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor perhutanan & Pembalakan) di Tampin merekodkan RM1,848.13 juta, di mana 88.4 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM1,634.26 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 11.6 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di Tampin iaitu RM213.86 juta.

13.0 PARAMETER SEKTOR PERTANIAN, JEMPOL

13.1 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa sebanyak 11,952 pegangan pertanian direkodkan pada 2023 di Jempol. Daripada jumlah ini, 11,652 (97.5%) merupakan pegangan pertanian individu, manakala baki 300 (2.5%) merupakan pegangan pertanian pertubuhan.


Paparan 55: Pegangan Pertanian, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



13.1.1 Pegangan Pertanian Individu

Daripada 11,652 orang yang terlibat dalam aktiviti pertanian di daerah Jempol, 99.97 peratus adalah terdiri daripada warganegara. Lelaki mendominasi penglibatan dalam sektor pertanian sebanyak 69.0 peratus. Sementara itu, pegangan pertanian individu yang berumur 60 tahun dan ke atas serta 46 hingga 59 tahun merupakan kumpulan umur yang terbesar dalam aktiviti pertanian, iaitu masing-masing sebanyak 71.6 peratus dan 16.1 peratus. Dari segi kumpulan etnik pula, Bumiputera mencatatkan sumbangan sebanyak 83.3 peratus. Manakala 40.3 peratus pegangan pertanian individu di Jempol tidak mempunyai sijil.

Paparan 56: Profil Pegangan Pertanian Individu, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




13.2 KELUASAN, KUANTITI PENGELUARAN, KUANTITI DAN NILAI JUALAN

Jumlah keluasan bertanam di Jempol pada 2023 adalah seluas 107.4 ribu hektar. Daripada jumlah tersebut, 35.1 ribu hektar adalah diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 72.3 ribu hektar oleh pegangan pertanian pertubuhan. Sementara itu, keluasan bertuai merekodkan 98.9 ribu hektar, di mana keluasan terbesar adalah daripada pegangan pertanian pertubuhan dengan jumlah 65.1 ribu hektar.

Kuantiti pengeluaran **subsektor tanaman** di Jempol mencatatkan 1,678.8 ribu tan metrik dengan kuantiti pengeluaran tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 1,644.7 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan, masing-masing 16.6 ribu dan 7.2 ribu tan metrik. Kuantiti jualan pula mencatatkan 1,678.0 ribu tan metrik. Kuantiti jualan tertinggi adalah kelapa sawit iaitu 1,644.7 ribu tan metrik. Ini diikuti getah dan buah-buahan, masing-masing 16.6 ribu dan 6.7 ribu tan metrik. Subsektor tanaman mencatatkan nilai jualan sebanyak RM1,738.80 juta.

Paparan 57: Parameter Utama Subsektor Tanaman, Jempol, Negeri Sembilan, 2023




Kuantiti pengeluaran bagi **subsektor ternakan** di Jempol adalah sebanyak 15,837.6 ribu ekor bagi haiwan hidup. Daripada kuantiti pengeluaran ternakan ini, 15,792.2 ribu ekor dijual pada 2023. Manakala, kuantiti pengeluaran bagi hasilan ternakan pula direkodkan dengan 224,858.4 ribu biji telur, 2.0 ribu liter susu segar dan 1.0 ribu kilogram yang meliputi sarang burung walet, madu dan hasilan lain. Kuantiti jualan bagi hasilan ternakan mencatatkan 110,282.8 ribu biji telur, 2.0 ribu liter susu segar dan 1.0 ribu kilogram hasilan ternakan lain. Subsektor ternakan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM313.33 juta.

Paparan 58: Parameter Utama Subsektor Ternakan, Jempol, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Ternakan			
	Pegangan Pertanian	Individu	Pertubuhan
Kuantiti Pengeluaran ('000)			
i. Kilogram	1.0	-	1.0
ii. Biji	224,858.4	143.1	224,715.2
iii. Ekor	15,837.6	61.0	15,776.6
iv. Liter	2.0	2.0	-
Kuantiti Jualan ('000)			
i. Kilogram	1.0	-	1.0
ii. Biji	110,282.8	122.3	110,160.5
iii. Ekor	15,792.2	56.9	15,735.3
iv. Liter	2.0	2.0	-
Nilai Jualan (RM juta)	313.33	4.36	308.97

Subsektor akuakultur di Jempol merekodkan kuantiti pengeluaran dan jualan yang sama sebanyak 0.3 ribu tan metrik meliputi air tawar dan air payau. Manakala, bagi baka & benih dan ikan hiasan, kuantiti pengeluaran yang dicatatkan adalah 5.0 ribu ekor dan 0.2 ribu ekor adalah untuk tujuan jualan. Subsektor akuakultur mencatatkan nilai jualan sebanyak RM3.33 juta.

Paparan 59: Parameter Utama Subsektor Akuakultur, Jempol, Negeri Sembilan, 2023



Secara keseluruhannya, nilai jualan sektor pertanian (tidak termasuk subsektor Perhutanan & Pembalakan) di Jempol merekodkan RM2,055.46 juta, di mana 82.3 peratus daripadanya disumbangkan oleh pegangan pertanian pertubuhan (RM1,691.01 juta). Manakala pegangan pertanian individu pula menyumbang sebanyak 17.7 peratus kepada jumlah nilai jualan pertanian di daerah Jempol iaitu RM364.46 juta.

PEMBANGUNAN AGROPOLIS DI NEGERI SEMBILAN

Lee Si Tau, Zaiton Abd Hamid, Yuslianah binti Yusof, Mohd Sawal bin Shakimon
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan

PENGENALAN

Negeri Sembilan kini sedang mengorak langkah baharu ke arah pembangunan luar bandar yang lebih mampan, terancang dan berdaya saing melalui pelaksanaan konsep Agropolis. Inisiatif ini merupakan antara agenda utama yang digariskan dalam Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021–2025 yang menjadi dasar penting kerajaan negeri dalam merancang dan melaksanakan pelbagai program transformasi ekonomi dan sosial. Pelaksanaan Agropolis dirangka sebagai pendekatan strategik dalam merancang struktur ekonomi luar bandar, memodenkan sektor pertanian serta mengukuhkan keterjaminan makanan negeri dan negara secara keseluruhan.

KONSEP AGROPOLIS DAN KEISTIMEWAANNYA

Konsep Agropolis membawa pendekatan yang menyatukan pembangunan pertanian moden dengan ciri-ciri perbandaran yang sistematik, sekali gus menjadikan kawasan luar bandar sebagai nadi pertumbuhan kepada sektor pertanian di daerah Negeri Sembilan. Secara asasnya, Agropolis bukan sekadar perancangan dan pembangunan kepada sektor pertanian, tetapi turut merangkumi pembangunan ekonomi, sosial dan teknologi yang terancang bagi menyokong ekosistem pertanian yang bersepadu. Pendekatan ini berbeza daripada model pembangunan komoditi tradisional seperti kelapa sawit dan getah kerana ia memberi penekanan khusus kepada pengeluaran makanan, ternakan ruminan dan akuakultur, dengan matlamat menjadikan negeri ini sebagai hab pengeluaran makanan bagi pasaran domestik dan serantau.

Keperluan untuk melaksanakan Agropolis di Negeri Sembilan menjadi semakin mendesak apabila mengambil kira pelbagai cabaran yang dihadapi oleh sektor pertanian masa kini. Antaranya ialah tahap sara diri (*self-sufficiency level*, SSL) yang masih rendah bagi beberapa jenis makanan asas, kebergantungan yang tinggi kepada import makanan dari luar negara, ketidaktentuan cuaca yang semakin ekstrem, penggunaan tanah yang tidak optimum serta penyertaan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang masih terhad.

Situasi ini bukan sahaja memberi kesan kepada kestabilan bekalan makanan, malah turut menjejaskan kuasa beli rakyat apabila harga makanan menjadi tidak menentu. Justeru, pembangunan Agropolis dijangka menjadi pemangkin transformasi yang mampu menangani cabaran struktural dan merancakkan semula sektor pertanian negeri.

Komponen Utama Agropolis

Pembangunan Agropolis menekankan struktur guna tanah yang seimbang dan bersifat produktif. Sebanyak 70 peratus daripada keluasan tanah yang terlibat akan ditumpukan kepada aktiviti pertanian makanan serta pemuliharaan sumber semula jadi seperti rizab hutan dan badan air, manakala baki 30 peratus lagi digunakan untuk pembangunan infrastruktur penempatan, perkhidmatan asas dan fasiliti sokongan.

Paparan 1: Penggunaan Tanah dalam Pembangunan Agropolis di Negeri Sembilan



Sumber: Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025


Perancangan ini bukan sahaja memastikan kesinambungan antara fungsi pertanian dan kehidupan moden, tetapi juga mengekalkan ciri kelestarian alam sekitar dan ketahanan iklim. Kegiatan utama yang akan dilaksanakan di bawah pembangunan Agropolis merangkumi aktiviti pertanian bernilai tinggi seperti tanaman buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan ruminan serta penternakan ikan dan udang air tawar secara berteknologi tinggi.

Lokasi Tumpuan dan Potensi Daerah

Empat buah daerah telah dikenalpasti sebagai lokasi tumpuan bagi pelaksanaan Agropolis di Negeri Sembilan iaitu **Jempol, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin**. Setiap daerah ini memiliki kekuatan dan keunikan tersendiri dari segi sumber tanah, akses logistik, jaringan jalan raya serta ketersediaan tenaga kerja yang boleh dimanfaatkan untuk pembangunan sektor pertanian.

Misalnya, Kuala Pilah mempunyai potensi besar dalam bidang akuakultur disebabkan keluasan tanah terbiar yang tinggi, manakala Jempol dan Rembau lebih sesuai untuk tanaman dan ternakan kerana keadaan geografi dan aksesibiliti ke pasar utama di Lembah Klang. Kesemua pembangunan ini akan dirangka dan dilaksanakan selaras dengan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) masing-masing agar selari dengan dasar guna tanah sedia ada dan sasaran jangka panjang negeri.

Paparan 2: Peranan bagi Setiap Daerah yang Terlibat dalam Pembangunan Agropolis



Sumber: Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS) 2021-2025 dan PLANMalaysia Negeri Sembilan (2019)

Strategi Pelaksanaan Agropolis Berdasarkan Data Banki Pertanian 2024 di Negeri Sembilan

Bagi merealisasikan pelaksanaan Agropolis secara menyeluruh, pelbagai strategi telah dikenal pasti. Antaranya termasuklah usaha mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar milik individu dan tanah rizab yang belum diusahakan sepenuhnya, memperkukuh kerjasama rentas agensi, memperkenalkan skim pajakan yang lebih kompetitif serta mempercepat pembangunan prasarana asas seperti jalan ladang, bekalan air, bekalan tenaga dan pusat pengumpulan hasil.

Selain itu, pemerkasaan tenaga kerja turut diberi penekanan melalui penyediaan latihan kemahiran, galakan penyertaan golongan belia dan pemerkasaan peranan petani moden yang celik teknologi. Penggunaan teknologi moden dan automasi dalam pertanian juga akan diterapkan secara progresif bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing hasil pertanian tempatan di peringkat pasaran antarabangsa.

Jadual 1: Parameter Utama Terpilih bagi Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023

Daerah	Luas Bertanam (hektar)	Luas Bertuai (hektar)	Nilai Jualan (RM Juta)
Jelevu	31,027.3	27,805.0	889.13
Kuala Pilah	20,794.0	18,788.9	890.85
Port Dickson	27,192.0	23,862.7	745.17
Rembau	10,241.5	9,407.0	410.77
Seremban	22,382.8	19,999.8	1,009.08
Tampin	47,113.6	43,041.2	1,851.22
Jempol	107,422.7	98,883.2	2,062.44
Jumlah	266,173.9	241,787.8	7,858.67

Sumber: Banki Pertanian 2024

Berdasarkan data Banci Pertanian 2024 dalam Paparan 3, pelaksanaan strategi Agropolis di Negeri Sembilan dapat dinilai melalui tiga parameter utama iaitu luas bertanam, luas bertuai dan nilai jualan, di tujuh daerah, dengan fokus khusus pada empat daerah Agropolis (Jempol, Kuala Pilah, Rembau, dan Tampin). Data ini memberikan gambaran menyeluruh tentang potensi dan cabaran dalam pembangunan sektor pertanian moden di negeri ini.

Jempol merupakan penyumbang utama dengan nilai jualan tertinggi iaitu RM2,062.4 juta, diikuti oleh Tampin (RM1,851.2 juta) dan Seremban (RM1,009.1 juta). Ini menunjukkan bahawa Jempol telah mengoptimumkan penggunaan tanah yang luas untuk aktiviti Pertanian. Di bawah inisiatif *Food Valley*, Jempol telah dikenalpasti sebagai salah satu kawasan berpotensi tinggi untuk pembangunan sektor pertanian yang berfokus. Cadangan tumpuan pengeluaran pertanian di kawasan ini melibatkan dua subsektor utama iaitu tanaman dan ternakan dengan keluasan tanah berpotensi untuk dibangunkan adalah sebanyak 563.7 hektar. Bagi sektor tanaman, fokus diberikan kepada penanaman betik, mata naga, jambu batu, peria, petola segi dan labu manis. Berdasarkan dapatan Banci Pertanian 2024, tanaman betik dan jambu batu masing-masing mencatatkan kuantiti jualan sebanyak 467 tan metrik dan 330 tan metrik. Dari segi nilai jualan, jambu batu mencatatkan sebanyak RM1.14 juta (3.2%) dan diikuti betik mencatatkan sebanyak RM1.22 juta (3.4%) daripada jumlah nilai jualan keseluruhan buah-buahan sebanyak RM35.49 juta.

Dalam subsektor ternakan pula, tumpuan Agropolis diberikan kepada penternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri. Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa ternakan lembu mencatatkan nilai jualan sebanyak RM13.67 juta, menjadikannya antara ternakan yang paling signifikan dari segi sumbangan ekonomi manakala kambing dan bebiri masing-masing mencatatkan nilai jualan sebanyak RM747.26 ribu dan RM351.55 ribu.

Tampin dikenalpasti sebagai antara kawasan berpotensi tinggi untuk pembangunan sektor pertanian di bawah inisiatif pengukuhan sistem sekuriti makanan negara. Peranan utama Tampin dalam pembangunan ini merangkumi beberapa aspek penting. Antaranya termasuklah sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi setempat, hab makanan dan pengeluar sumber makanan utama, serta pusat pengeluaran dan pemprosesan makanan berasaskan bioteknologi. Di samping itu, Tampin juga berpotensi untuk dijadikan sebagai pusat pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam sektor pertanian. Cadangan tumpuan pengeluaran pertanian di daerah ini meliputi dua subsektor utama iaitu tanaman dan ternakan. Bagi subsektor tanaman, antara tanaman yang dicadangkan ialah betik, belimbing,

nanas, timun, labu manis dan bendi. Melalui Banci Pertanian 2024, nilai jualan nanas mencatatkan RM532.04 ribu, timun RM264.41 ribu, betik RM81.66 ribu dan belimbing RM21.05 ribu. Subsektor ternakan turut diberi penekanan menerusi cadangan penternakan lembu, kambing dan bebiri. Nilai jualan bagi ternakan lembu adalah RM5.99 juta, diikuti kambing RM376.85 ribu dan bebiri RM173.33 ribu yang didapati menerusi Banci Pertanian 2024.

Rembau telah dikenal pasti sebagai salah satu kawasan berpotensi tinggi untuk pembangunan sektor pertanian, khususnya di bawah inisiatif pembangunan *Halal Food Park*. Cadangan pembangunan pertanian di daerah ini meliputi dua subsektor utama iaitu tanaman dan ternakan. Bagi subsektor tanaman, komoditi yang dicadangkan untuk diberi tumpuan ialah jambu batu, nanas, mata naga, labu air, labu manis dan timun. Data Banci Pertanian 2024 menunjukkan bahawa nilai jualan timun merekodkan sebanyak RM2.43 juta, nanas RM2.13 juta dan jambu batu RM201.21 ribu. Subsektor ternakan juga memainkan peranan penting dalam pembangunan ini. Cadangan tumpuan diberikan kepada penternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri. Daripada Banci Pertanian 2024, ternakan lembu mencatatkan nilai jualan RM7.31 juta, kerbau RM1.85 juta, kambing RM1.27 juta dan bebiri RM328.90 ribu.

Kuala Pilah juga dikenalpasti sebagai antara kawasan utama dalam pembangunan sektor pertanian negeri. Pelbagai inisiatif telah digariskan untuk menggalakkan pembangunan pertanian bernilai tinggi, selaras dengan kemajuan teknologi dan penglibatan pelaburan sektor swasta. Pendekatan ini merangkumi pelaksanaan aktiviti pertanian berskala besar dengan penggunaan teknologi moden yang mampu meningkatkan produktiviti dan hasil tanaman. Dalam masa yang sama, pelaksanaan projek-projek pertanian akan melibatkan kerjasama strategik antara Jabatan Pertanian dan agensi-agensi berkaitan melalui mekanisme projek komited. Bagi cadangan tumpuan pengeluaran pertanian bagi subsektor tanaman, beberapa komoditi yang diberi fokus termasuklah mata naga, nanas, betik, timun, petola segi dan kacang panjang. Berdasarkan Banci Pertanian 2024, tanaman nanas mencatatkan nilai jualan RM6.61 juta, timun RM3.42 juta dan betik RM140.75 ribu. Subsektor ternakan turut diberi perhatian melalui cadangan pembangunan penternakan lembu dan nilai jualan yang diperolehi melalui Banci Pertanian 2024 adalah sebanyak RM7.82 juta. Selain itu, Kuala Pilah juga dicadangkan untuk menempatkan pembangunan Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan projek Fish Valley. Subsektor akuakultur di Kuala Pilah mencatatkan nilai jualan sebanyak RM6.32 juta dalam Banci Pertanian 2024.

Secara keseluruhannya, dapatan Banci Pertanian 2024 menyokong cadangan pembangunan pertanian di Kuala Pilah, Rembau, Tampin dan Jempol dengan menunjukkan prestasi pasaran yang memberangsangkan bagi komoditi-komoditi yang telah dikenalpasti. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa strategi Agropolis perlu mengambil kira beberapa faktor penting. Pertama, keperluan untuk meningkatkan produktiviti dan nilai ditambah terhadap tanaman dan ternakan yang perlu dihasilkan di kawasan tersebut. Kedua, potensi untuk mencontohi kejayaan Jempol dalam menguruskan tanah pertanian yang luas secara efektif. Ketiga, pentingnya menghubungkan kawasan pertanian dengan pusat pemasaran yang lebih besar, seperti yang ditunjukkan oleh prestasi Seremban.

Pelaksanaan Agropolis yang lebih berkesan memerlukan pendekatan bersepadu yang mengambil kira potensi setiap daerah, meningkatkan produktiviti melalui teknologi moden dan memperkukuh rantaian nilai pertanian dari pengeluaran hingga pemasaran. Data Banci Pertanian 2024 ini memberikan asas penting untuk merancang strategi yang lebih tepat dan efektif dalam merealisasikan potensi penuh Agropolis di Negeri Sembilan.

Kesan Ekonomi dan Sosial

Pelaksanaan Agropolis dijangka membawa kesan ekonomi dan sosial yang besar kepada negeri. Ia bukan sahaja akan merangsang penjanaan pendapatan dan peluang pekerjaan di kawasan luar bandar, tetapi turut membantu mengurangkan jurang pembangunan antara bandar dan desa.

Selain itu, ia akan mewujudkan ekosistem makanan tempatan yang lebih lestari, mengurangkan kebergantungan kepada import dan pada masa yang sama membuka peluang kepada Negeri Sembilan untuk menembusi pasaran eksport produk pertanian bernilai tinggi. Dengan pertumbuhan ekonomi desa yang dirangsang secara berstruktur dan inklusif, masyarakat luar bandar dapat menikmati manfaat pembangunan yang lebih seimbang dan menyeluruh.

Penutup dan Rumusan

Kesimpulannya, pembangunan Agropolis merupakan manifestasi iltizam Kerajaan Negeri Sembilan dalam membentuk landskap ekonomi luar bandar yang moden, berdaya tahan dan inklusif. Ia bukan hanya satu pendekatan fizikal, tetapi juga satu paradigma pembangunan yang mengintegrasikan pertanian, teknologi dan komuniti.

Kejayaan pelaksanaan konsep ini sangat bergantung kepada kesepaduan tindakan antara semua pihak yang terlibat termasuk kerajaan, sektor swasta, masyarakat tempatan serta institusi penyelidikan dan pendidikan. Bangci Pertanian 2024 merupakan alat pengukur bagi menilai kemajuan terhadap sasaran yang ditetapkan, di samping membantu Kerajaan Negeri dalam menyediakan mekanisme *check and balance* yang berkesan.

Melalui pemantauan yang berterusan serta penetapan sasaran secara kolaboratif dan menyeluruh, Negeri Sembilan mempunyai potensi besar untuk muncul sebagai hab utama pengeluaran makanan negara. Pada masa yang sama, negeri ini juga berupaya menjadi model pembangunan Agropolis yang progresif dan mampan, sekali gus menjadi rujukan kepada negeri-negeri lain di Malaysia.

PENAFIAN

Pandangan yang dikemukakan adalah pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili pandangan DOSM.

RUJUKAN

Rancangan Pembangunan Negeri Sembilan (RPNS), 2021-2025

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



JADUAL STATISTIK

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Jadual 1.0: Pegangan Pertanian mengikut Negeri, Malaysia, 2023
Table 1.0: Agriculture Holding by State, Malaysia, 2023

Negeri State	Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Malaysia	1,008,829	97.94	21,191	2.06	1,030,020	100.0
Johor	102,460	9.95	3,578	0.35	106,038	10.29
Kedah	123,194	11.96	1,237	0.12	124,431	12.08
Kelantan	87,203	8.47	442	0.04	87,645	8.51
Melaka	13,022	1.26	802	0.08	13,824	1.34
Negeri Sembilan	44,082	4.28	1,347	0.13	45,429	4.41
Pahang	87,482	8.49	2,543	0.25	90,025	8.74
Perak	104,878	10.18	2,596	0.25	107,474	10.43
Perlis	18,839	1.83	131	0.01	18,970	1.84
Pulau Pinang	15,491	1.50	1,154	0.11	16,645	1.62
Sabah	156,635	15.21	2,624	0.25	159,259	15.46
Sarawak	145,378	14.11	2,036	0.20	147,414	14.31
Selangor	35,474	3.44	1,643	0.16	37,117	3.60
Terengganu	72,367	7.03	684	0.07	73,051	7.09
W.P. Kuala Lumpur	1,426	0.14	330	0.03	1,756	0.17
W.P. Labuan	732	0.07	34	0.00	766	0.07
W.P. Putrajaya	166	0.02	10	0.00	176	0.02

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
 2. Negeri merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
 2. State refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 1.1: Pegangan Pertanian mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023
Table 1.1: Agriculture Holding by Administrative District, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Negeri Sembilan	44,082	97.03	1,347	2.97	45,429	100.0
Jelevu	7,734	98.38	127	1.62	7,861	100.0
Kuala Pilah	5,647	98.33	96	1.67	5,743	100.0
Port Dickson	3,287	95.44	157	4.56	3,444	100.0
Rembau	3,384	96.55	121	3.45	3,505	100.0
Seremban	5,273	93.31	378	6.69	5,651	100.0
Tampin	7,105	97.69	168	2.31	7,273	100.0
Jempol	11,652	97.49	300	2.51	11,952	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 2.0: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Malaysia, 2023
Table 2.0: Agriculture Holding by Subsector, Malaysia, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	236,241	96.01	9,806	3.99	246,047	100.00
	Padi Paddy	125,976	99.87	170	0.13	126,146	100.00
	Getah Rubber	387,124	99.92	309	0.08	387,433	100.00
	Nanas Pineapple	7,752	96.18	308	3.82	8,060	100.00
	Kenaf Kenaf	862	99.54	4	0.46	866	100.00
	Lada Pepper	32,191	99.97	10	0.03	32,201	100.00
	Koko Cocoa	4,147	99.62	16	0.38	4,163	100.00
	Buah-Buahan Fruits	87,731	97.36	2,375	2.64	90,106	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	44,422	94.35	2,658	5.65	47,080	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	38,302	96.61	1,344	3.39	39,646	100.00
Ternakan Livestocks		43,816	93.66	2,965	6.34	46,781	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	48,267	99.18	399	0.82	48,666	100.00
	Akuakultur Aquaculture	8,407	81.79	1,872	18.21	10,279	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		7,930	93.69	534	6.31	8,464	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.1: Pegangan Pertanian mengikut Subsektor, Negeri Sembilan, 2023
Table 2.1: Agriculture Holding by Subsector, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector		Individu Individual		Pertubuhan Establishment		Pegangan Pertanian Agriculture Holding	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	9,454	95.61	434	4.39	9,888	100.00
	Padi Paddy	185	98.93	2	1.07	187	100.00
	Getah Rubber	28,753	99.89	31	0.11	28,784	100.00
	Nanas Pineapple	177	95.16	9	4.84	186	100.00
	Lada Pepper	2	100.00	-	-	2	100.00
	Koko Cocoa	14	100.00	-	-	14	100.00
	Buah-Buahan Fruits	2,844	93.49	198	6.51	3,042	100.00
	Sayur-Sayuran Vegetables	1,015	84.02	193	15.98	1,208	100.00
	Tanaman Lain Other Crops	579	85.78	96	14.22	675	100.00
Ternakan Livestocks		1,153	80.07	287	19.93	1,440	100.00
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	477	100.00	-	-	477	100.00
	Akuakultur Aquaculture	312	67.10	153	32.90	465	100.00
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		89	80.91	21	19.09	110	100.00

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.2: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kewarganegaraan, Negeri Sembilan, 2023
Table 2.2: Individual Agriculture Holding by Subsector and Citizenship, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector		Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	9,452	99.98	2	0.02
	Padi Paddy	185	100.0	-	-
	Getah Rubber	28,742	99.96	11	0.04
	Nanas Pineapple	176	99.44	1	0.56
	Lada Pepper	2	100.0	-	-
	Koko Cocoa	14	100.0	-	-
	Buah-Buahan Fruits	2,839	99.82	5	0.18
	Sayur-Sayuran Vegetables	1,014	99.90	1	0.10
	Tanaman Lain Other Crops	577	99.65	2	0.35
Ternakan Livestocks		1,153	100.0	-	-
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	477	100.0	-	-
	Akuakultur Aquaculture	312	100.0	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		89	100.0	-	-

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.3: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Jantina, Negeri Sembilan, 2023
Table 2.3: Individual Agriculture Holding by Subsector and Sex, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector		Lelaki Male		Perempuan Female	
		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	6,983	73.86	2,471	26.14
	Padi Paddy	138	74.59	47	25.41
	Getah Rubber	17,855	62.10	10,898	37.90
	Nanas Pineapple	151	85.31	26	14.69
	Lada Pepper	2	100.0	-	-
	Koko Cocoa	10	71.43	4	28.57
	Buah-Buahan Fruits	2,451	86.18	393	13.82
	Sayur-Sayuran Vegetables	855	84.24	160	15.76
	Tanaman Lain Other Crops	496	85.66	83	14.34
Ternakan Livestocks		1,012	87.77	141	12.23
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	475	99.58	2	0.42
	Akuakultur Aquaculture	283	90.71	29	9.29
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		79	88.76	10	11.24

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.4: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Umur, Negeri Sembilan, 2023
 Table 2.4: Individual Agriculture Holding by Subsector and Age Group, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector	15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	100	1.06	945	10.00	1,879	6,530	69.07
	Padi Paddy	13	7.03	44	23.78	61	67	36.22
	Getah Rubber	780	2.71	3,866	13.45	6,918	17,189	59.78
	Nanas Pineapple	3	1.69	19	10.73	121	34	19.21
	Lada Pepper	-	-	-	-	1	1	50.00
	Koko Cocoa	-	-	1	7.14	5	8	57.14
	Buah-Buahan Fruits	69	2.43	447	15.72	846	1,482	52.11
Temakan Livestocks	Sayur-Sayuran Vegetables	92	9.06	226	22.27	354	343	33.79
	Tanaman Lain Other Crops	22	3.80	77	13.30	186	294	50.78
		37	3.21	242	20.99	400	474	41.11
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	11	2.31	82	17.19	153	231	48.43
	Akuakultur Aquaculture	15	4.81	78	25.00	106	113	36.22
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		13	14.61	45	50.56	23	8	8.99

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
 1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
 1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.5: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Kumpulan Etnik, Negeri Sembilan, 2023
 Table 2.5: Individual Agriculture Holding by Subsector and Ethnic Group, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector	Bumiputera Bumiputera			Cina Chinese			India Indian			Lain-lain Others		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	6,740	71.31	2,266	23.97	438	4.63	8	0.08			
	Padi Paddy	185	100.00	-	-	-	-	-	-			
	Getah Rubber	24,252	84.38	3,787	13.18	681	2.37	22	0.08			
	Nanas Pineapple	125	71.02	50	28.41	1	0.57	-	-			
	Lada Pepper	2	100.00	-	-	-	-	-	-			
	Koko Cocoa	11	78.57	3	21.43	-	-	-	-			
	Buah-Buahan Fruits	2,068	72.84	685	24.13	80	2.82	6	0.21			
	Sayur-Sayuran Vegetables	796	78.50	164	16.17	47	4.64	7	0.69			
	Tanaman Lain Other Crops	474	82.15	53	9.19	49	8.49	1	0.17			
		970	84.13	51	4.42	126	10.93	6	0.52			
Temakan Livestocks												
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	326	68.34	120	25.16	30	6.29	1	0.21			
	Akuakultur Aquaculture	275	88.14	33	10.58	4	1.28	-	-			
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging												
		88	98.88	1	1.12	-	-	-	-			

Sumber: Banci Pertanian 2024
 Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
 1. Analisa pada 28 Mei 2025

* Notes:
 1. Analysis as at 28 May 2025

Jadual 2.6: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Taraf Perkahwinan, Negeri Sembilan, 2023
Table 2.6: Individual Agriculture Holding by Subsector and Marital Status, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector	Tidak pernah berkahwin Never married			Berkahwin Married			Balu/Duda Widow/Widower			Bercerai Divorced			Berpisah Separated		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm			526	5.56	6,477	68.51	2,334	24.69	103	1.09	14	0.15		
	Padi Paddy			59	31.89	102	55.14	24	12.97	-	-	-	-		
	Getah Rubber			2,402	8.35	21,768	75.71	4,354	15.14	191	0.66	38	0.13		
	Nanas Pineapple			2	1.13	167	94.35	7	3.95	-	-	1	0.56		
	Lada Pepper			-	-	2	100.0	-	-	-	-	-	-		
	Koko Cocoa			4	28.57	6	42.86	3	21.43	1	7.14	-	-		
	Buah-Buahan Fruits			241	8.47	1,886	66.32	679	23.87	27	0.95	11	0.39		
	Sayur-Sayuran Vegetables			72	7.09	762	75.07	166	16.35	14	1.38	1	0.10		
	Tanaman Lain Other Crops			41	7.08	401	69.26	132	22.80	2	0.35	3	0.52		
				123	10.67	797	69.12	222	19.25	6	0.52	5	0.43		
Teranakan Livestocks															
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries			67	14.05	342	71.70	59	12.37	9	1.89	-	-		
	Akuakultur Aquaculture			43	13.78	230	73.72	36	11.54	3	0.96	-	-		
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging															
				14	15.73	65	73.03	7	7.87	3	3.37	-	-		

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2.

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2.

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Negeri Sembilan, 2023
 Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector	Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)		Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma/ Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)		Sijil Politeknik/ Universiti/ Badan-badan yang memberi pengiktirafan atau yang setaraf Certificate of Polytechnic/ University/ Bodies that give recognition or equivalent		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	15	0.16	289	3.06	56	0.59	151	1.60	65	0.69
	Padi Paddy	-	-	2	1.08	2	1.08	-	-	-	-
	Getah Rubber	1	0.00	90	0.31	937	3.26	54	0.19	39	0.14
	Nanas Pineapple	-	-	4	2.26	1	0.56	-	-	-	-
	Lada Pepper	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
	Koko Cocoa	-	-	1	7.14	-	-	-	-	-	-
Teranakan Livestocks	Buah-Buahan Fruits	7	0.25	85	2.99	74	2.60	56	1.97	19	0.67
	Sayur-Sayuran Vegetables	4	0.39	26	2.56	25	2.46	23	2.27	4	0.39
	Tanaman Lain Other Crops	1	0.17	19	3.28	17	2.94	18	3.11	2	0.35
		2	0.17	23	1.99	37	3.21	22	1.91	3	0.26
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	-	-	2	0.42	4	0.84	2	0.42	2	0.42
	Akuakultur Aquaculture	3	0.96	3	0.96	13	4.17	9	2.88	-	-
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging		1	1.12	-	-	-	-	-	-	-	-

Jadual 2.7: Pegangan Pertanian Individu mengikut Subsektor dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Negeri Sembilan, 2023
Table 2.7: Individual Agriculture Holding by Subsector and Highest Certificate Attained, Negeri Sembilan, 2023

Subsektor Subsector	Sijil kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Certificate of specialized or technical skills (TVET)		STPM atau yang setaraf Malaysian Higher Certificate of Education (STPM) or equivalent		SPM/ SPM(V) atau yang setaraf Malaysian Certificate of Education (SPM)/ SPM (V) or equivalent		Di bawah taraf kelulusan SPM/ SPM (V) Below the SPM/SPM (V) passing standard		Tiada sijil No Certificate		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage	
Tanaman Crops	Kelapa Sawit Oil Palm	28	0.30	76	0.80	2,388	25.26	2,424	25.64	3,962	41.91
	Padi Paddy	2	1.08	1	0.54	82	44.32	82	44.32	14	7.57
	Getah Rubber	43	0.15	76	0.26	11,612	40.39	7,995	27.81	7,906	27.50
	Nanas Pineapple	-	-	2	1.13	143	80.79	17	9.60	10	5.65
	Lada Pepper	-	-	-	-	-	-	2	100.00	-	-
	Koko Cocoa	-	-	-	-	1	7.14	5	35.71	7	50.00
Terbantu Livestocks	Buah-Buahan Fruits	16	0.56	73	2.57	1,168	41.07	800	28.13	546	19.20
	Sayur-Sayuran Vegetables	19	1.87	75	7.39	548	53.99	167	16.45	124	12.22
	Tanaman Lain Other Crops	8	1.38	15	2.59	253	43.70	131	22.63	115	19.86
		14	1.21	13	1.13	672	58.28	215	18.65	152	13.18
Perikanan Fisheries	Perikanan Tangkapan Captured Fisheries	3	0.63	2	0.42	146	30.61	187	39.20	129	27.04
Perhutanan & Pembalakan Forestry & Logging	Akuakultur Aquaculture	1	0.32	4	1.28	214	68.59	52	16.67	13	4.17
		-	-	-	-	10	11.24	24	26.97	54	60.67

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025

Jadual 3.0: Pegangan Pertanian bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran, Negeri Sembilan, 2023
Table 3.0: Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran <i>Administrative District</i>	Individu <i>Individual</i>		Pertubuhan <i>Establishment</i>		Pegangan Pertanian <i>Agriculture Holding</i>	
	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>	Bilangan <i>Number</i>	Peratus (%) <i>Percentage (%)</i>
Negeri Sembilan	42,252	97.89	912	2.11	43,164	100.0
Jelevu	7,491	98.92	82	1.08	7,573	100.0
Kuala Pilah	5,372	98.68	72	1.32	5,444	100.0
Port Dickson	2,764	96.98	86	3.02	2,850	100.0
Rembau	3,111	97.58	77	2.42	3,188	100.0
Seremban	5,003	95.08	259	4.92	5,262	100.0
Tampin	6,964	98.17	130	1.83	7,094	100.0
Jempol	11,547	98.25	206	1.75	11,753	100.0

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.1: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kewarganegaraan, Negeri Sembilan, 2023				
Table 3.1: Individual Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District and Citizenship, Negeri Sembilan, 2023				
Daerah Pentadbiran Administrative District	Warganegara Malaysian		Bukan Warganegara Non Malaysian	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Negeri Sembilan	42,232	99.95	20	0.05
Jelevu	7,480	99.85	11	0.15
Kuala Pilah	5,372	100.0	0	-
Port Dickson	2,762	99.93	2	0.07
Rembau	3,111	100.0	0	-
Seremban	5,000	99.94	3	0.06
Tampin	6,963	99.99	1	0.01
Jempol	11,544	99.97	3	0.03

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

* Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

* Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.2: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Jantina, Negeri Sembilan, 2023

Table 3.2: Individual Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District and Sex, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Lelaki Male		Perempuan Female	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Negeri Sembilan	28,306	66.99	13,946	33.01
Jelevu	5,453	72.79	2,038	27.21
Kuala Pilah	3,097	57.65	2,275	42.35
Port Dickson	2,097	75.87	667	24.13
Rembau	1,823	58.60	1,288	41.40
Seremban	3,163	63.22	1,840	36.78
Tampin	4,729	67.91	2,235	32.09
Jempol	7,944	68.80	3,603	31.20

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:
- 1. Analisa pada 28 Mei 2025
 - 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:
- 1. Analysis as at 28 May 2025
 - 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.3: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Umur, Negeri Sembilan, 2023
Table 3.3: Individual Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District and Age Group, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	15 – 30 tahun 15 – 30 years		31 – 45 tahun 31 – 45 years		46 – 59 tahun 46 – 59 years		60 tahun dan ke atas 60 years and above	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Negeri Sembilan	1,058	2.50	5,530	13.09	10,133	23.98	25,531	60.43
Jelevu	204	2.72	1,157	15.45	2,094	27.95	4,036	53.88
Kuala Pilah	207	3.85	774	14.41	1,462	27.22	2,929	54.52
Port Dickson	66	2.39	399	14.44	814	29.45	1,485	53.73
Rembau	61	1.96	377	12.12	801	25.75	1,872	60.17
Seremban	137	2.74	855	17.09	1,544	30.86	2,467	49.31
Tampin	100	1.44	843	12.11	1,568	22.52	4,453	63.94
Jempol	283	2.45	1,125	9.74	1,850	16.02	8,289	71.78

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.4: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Kumpulan Etnik, Negeri Sembilan, 2023
Table 3.4: Individual Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District and Ethnic Group, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Bumiputera Bumiputera			Cina Chinese			India Indian			Lain-lain Others		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
Negeri Sembilan	34,020	80.56	6,905	16.35	1,263	2.99	44	0.10				
Jelevu	5,131	68.60	2,206	29.49	133	1.78	10	0.13				
Kuala Pilah	4,885	90.93	450	8.38	23	0.43	14	0.26				
Port Dickson	1,413	51.16	1,130	40.91	216	7.82	3	0.11				
Rembau	2,823	90.74	255	8.20	32	1.03	1	0.03				
Seremban	4,010	80.20	849	16.98	135	2.70	6	0.12				
Tampin	6,140	88.18	648	9.31	171	2.46	4	0.06				
Jempol	9,618	83.32	1,367	11.84	553	4.79	6	0.05				

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.5: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Taraf Perkahwinan, Negeri Sembilan, 2023
Table 3.5: Individual Agriculture Holding for Crop Subsector by Administrative District and Marital Status, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Tidak pernah berkahwin Never married			Berkahwin Married			Batu/Duda Widow/Widower			Berceraai Divorced			Berpisah Separated		
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)		Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	
Negeri Sembilan	3,303	7.82		31,016	73.41		7,534	17.83		332	0.79		67	0.16	
Jelevu	657	8.77		5,443	72.66		1,339	17.87		41	0.55		11	0.15	
Kuala Pilah	735	13.68		3,975	73.99		619	11.52		39	0.73		4	0.07	
Port Dickson	262	9.48		2,121	76.74		335	12.12		38	1.37		8	0.29	
Rembau	325	10.45		2,268	72.90		469	15.08		30	0.96		19	0.61	
Seremban	234	4.68		4,128	82.51		587	11.73		46	0.92		8	0.16	
Tampin	329	4.72		4,746	68.15		1,846	26.51		37	0.53		6	0.09	
Jempol	761	6.59		8,335	72.18		2,339	20.26		101	0.87		11	0.10	

Sumber: Banci Pertanian 2024
Source: Agriculture Census 2024

- * Nota:
1. Analisa pada 28 Mei 2025
 2. Negeri dan daerah pentadbiran merujuk lokasi pegangan pertanian

- * Notes:
1. Analysis as at 28 May 2025
 2. State and administrative district refer to the location where the agricultural holder reside

Jadual 3.6: Pegangan Pertanian Individu bagi Subsektor Tanaman mengikut Daerah Pentadbiran dan Sijil Tertinggi Diperoleh, Negeri Sembilan, 2023
 Table 3.6: Individual Agriculture Holding for the Crop Subsector by Administrative District and Highest Certificate Attained, Negeri Sembilan, 2023

Daerah Pentadbiran Administrative District	Doktor Falsafah (PhD) Doctor of Philosophy (PhD)		Ijazah/ Diploma Lanjutan/ Sarjana Degree/ Advanced Diploma/ Masters		Diploma Politeknik/ Universiti atau yang setaraf Polytechnic/ University Diploma or equivalent		Diploma Lanjutan dalam kemahiran khusus atau teknikal (TVET) Diploma/ Advanced Diploma in specialized or technical skills (TVET)	
	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)	Bilangan Number	Peratus (%) Percentage (%)
